

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN HAJAH SABANI
BINTI MAT**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Hajah Sabani binti Mat minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang dirancang bagi menambah jumlah TASKA di tempat kerja di seluruh negara agar beban kos jagaan anak-anak kumpulan B40 dapat ditangani dengan lebih menyeluruh dan meliputi semua kumpulan masyarakat sama ada di sektor Kerajaan mahupun swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta melalui Belanjawan 2019 untuk menambah 50 buah TASKA baharu di bangunan Kerajaan. Hasil daripada itu, sebanyak 66 buah agensi kerajaan persekutuan dan negeri telah diluluskan peruntukan bagi penubuhan TASKA di tempat kerja iaitu melebihi sasaran asal.

Lanjutan dari itu, Kerajaan meningkatkan peruntukan kepada RM30 juta untuk menyediakan lebih banyak lagi TASKA terutamanya di hospital dan sekolah pada tahun 2020 dengan sasaran sebanyak 150 buah TASKA di tempat kerja dapat ditubuhkan pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, akibat daripada wabak pandemik COVID-19 yang melanda negara, maka hanya 34 buah TASKA di agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri berjaya diluluskan peruntukan bagi penubuhan TASKA di tempat kerja awam di bangunan masing-masing.

Kementerian ini bercadang untuk meneruskan inisiatif ini pada tahun hadapan dan akan memohon peruntukan bagi menambah lagi penubuhan TASKA di tempat kerja awam di seluruh negara.

Selain itu, bagi membantu ibu bapa menanggung beban kos yuran TASKA, Kerajaan menyediakan Subsidi Yuran Pengasuhan kepada kanak-kanak di TASKA di tempat kerja sektor awam melalui Kementerian masing-masing sebanyak RM180 sebulan kepada seorang kanak-kanak yang ibu bapa/penjaga berpendapatan RM5,000 dan ke bawah.

Kerajaan melalui Kementerian ini juga menyediakan TASKA Komuniti yang ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar. Kerajaan telah meluluskan geran subsidi yuran pengasuhan di TASKA Komuniti sebanyak RM180.00 sebulan kepada kanak-kanak yang ibu bapa/penjaga berpendapatan RM5,000 dan ke bawah sebulan.

SOALAN NO. : 25

Selain daripada TASKA swasta yang berdaftar dengan Kementerian ini, terdapat juga TASKA-TASKA yang dikendalikan oleh Kementerian/Agensi Kerajaan yang lain bagi membantu kumpulan B40 seperti berikut:

- i. TASKA KEMAS oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- ii. TASKA PERPADUAN oleh Kementerian Perpaduan Negara,
- iii. Pusat Anak Genius Negara (PAGN) oleh Bahagian Genius, Kementerian Pendidikan Malaysia; dan
- iv. TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI RADZI BIN TAN
SRI SHEIKH AHMAD**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah definisi OKU mengikut kategori dan apakah jenis bantuan yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi OKU mengikut kategori. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan memandangkan kos sara hidup kian meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008, “Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat”.

Garis Panduan Pendaftaran OKU menetapkan terdapat tujuh (7) kategori OKU yang boleh dipertimbangkan bagi pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pertuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pembelajaran, kurang upaya mental dan kurang upaya pelbagai. Definisi mengikut kategori adalah seperti berikut:

1. **Kurang upaya pendengaran** bermaksud ketidakupayaan pendengaran kekal pada kedua-dua belah telinga atau di sebelah telinga. Kecacatan telinga kekal merujuk kepada kecacatan struktur telinga / sindrom berkaitan yang mengganggu fungsi individu tersebut.
2. **Kurang upaya penglihatan** bermaksud buta kedua-dua belah mata atau buta di sebelah mata atau penglihatan terhad di kedua-dua belah mata atau lain-lain gangguan penglihatan kekal.
3. **Kurang upaya pertuturan** bermaksud tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak boleh difahami oleh mereka yang berinteraksi dengannya. Keadaan ini adalah kekal atau tidak akan sembuh.
4. **Kurang upaya fizikal** bermaksud ketidakupayaan kekal anggota badan sama ada disebabkan oleh kehilangan atau ketiadaan ATAU ketidakupayaan mana-mana anggota badan yang boleh menjejaskan fungsi mereka dalam melakukan aktiviti asas sepenuhnya.

5. **Kurang upaya pembelajaran** bermaksud masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya.
6. **Kurang upaya mental** merujuk kepada keadaan penyakit mental yang teruk menyebabkan seseorang itu tidak berupaya berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat.
7. **Kurang upaya pelbagai** (*Multiple Disabilities*) bermaksud mempunyai lebih daripada satu jenis ketidakupayaan

Pemberian bantuan kewangan kepada OKU bukan berdasarkan kepada jenis kategori atau ketidakupayaan individu tetapi berdasarkan kepada pendapatan dan keadaan kewangan OKU dan keluarga OKU yang bersandarkan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa.

Terdapat tiga (3) Skim Bantuan Kewangan Bulanan dan satu (1) Bantuan Sekaligus yang boleh memberi manfaat kepada golongan OKU yang layak iaitu:

1. **Bantuan Kewangan Bulanan**
 - 1.1 Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM400 sebulan;
 - 1.2 Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) dengan kadar RM250 sebulan; dan
 - 1.3 Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dengan kadar RM350 sebulan.

Sehingga bulan Jun 2020 seramai 190,000 penerima bantuan di bawah Skim Bantuan OKU dan sebanyak RM371.8 juta telah disalurkan kepada golongan OKU yang layak.

2. **Bantuan Sekaligus**
 - 2.1. Bantuan Alat Tiruan dan Sokongan (BAT), kadar mengikut harga BAT sebenar. Sehingga bulan Jun 2020 seramai 594 OKU layak menerima BAT dan sebanyak RM1.08 juta telah

SOALAN NO. : 28

disalurkan kepada golongan OKU yang layak dan memerlukan bantuan alat tiruan dan sokongan.

Selain itu, terdapat juga beberapa inisiatif kepada OKU. Antaranya Program *2 Years Exit (2YEP)* bagi memperkasakan OKU ke arah berdikari dan menceburi bidang keusahawanan melalui pemberian modal dan bimbingan untuk memulakan perniagaan. Sehingga Jun 2020, terdapat 1,882 orang OKU telah diluluskan bantuan geran pelancaran di bawah *2YEP* dengan jumlah peruntukan sebanyak RM5.08 juta.

Terkini, bagi membantu mengurangkan beban daripada impak pandemik COVID-19, Kerajaan turut menyediakan Bantuan Khas Orang Kurang Upaya PENJANA sebanyak RM300 (*one-off*) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM57 juta yang merupakan bantuan bersasar kepada penerima bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama semua Jabatan dan Agensi di bawahnya terutama JKM kini dalam proses meneliti secara terperinci dasar dan program sedia ada yang mempunyai hubung kait dengan kadar Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan bersedia membuat penambahbaikan sejajar dengan peningkatan kadar baharu PGK Nasional sebanyak RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah.

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa PGK 2019 ini akan diguna pakai dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025. Semua kementerian termasuk KPWKM diberi masa 5 bulan untuk mengkaji semula dasar berkaitan dengan peranan dan fungsi kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK MOHAN A/L
THANGARASU**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha-usaha Kerajaan dalam membendung peningkatan drastik melibatkan kes keganasan rumah tangga di Malaysia sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes keganasan rumah tangga ditangani melalui peruntukan perundangan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] yang juga memperuntukkan perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Pada tempoh awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), satu sesi pertemuan bersama agensi Kerajaan seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO), Women's Aid Organisation (WAO), All Women's Action Society (AWAM), ASEAN Women Young Leaders, Befrienders dan Syarikat Telekomunikasi telah diadakan pada 17 April 2020. Pertemuan tersebut bagi membincangkan isu peningkatan panggilan dan aduan berkaitan keganasan rumah tangga sepanjang tempoh PKP.

Susulan sesi pertemuan itu, Kementerian ini telah mengambil beberapa tindakan dalam tempoh PKP seperti:

- a. menyediakan material advokasi bagi meningkatkan kefahaman mengenai tindakan, hak serta perkhidmatan dan perlindungan yang boleh diakses oleh mangsa keganasan rumah tangga;
- b. memperluaskan hebahan mengenai bantuan dan perkhidmatan sedia ada dengan kerjasama rapat bersama badan-badan bukan kerajaan agar mangsa dan orang ramai melaporkan kes keganasan rumah tangga yang turut diuar-uarkan melalui sistem pesanan ringkas MKN;
- c. membantu memastikan permohonan perlindungan melalui *Emergency Protection Order (EPO)*, *Interim Protection Order (IPO)* and *Protection Order (PO)* dapat diakses oleh mangsa sepanjang tempoh PKP termasuk mendapatkan kerjasama PDRM untuk memudahkan pergerakan mangsa untuk membuat laporan dan aduan; dan

SOALAN NO. : 39

- d. menyediakan khidmat kaunseling yang boleh diakses sama ada secara bersemuka ataupun secara atas talian dengan menghubungi Talian Kasih 15999.

Dengan mengambil kira semua isu pengendalian kes, penyelarasan data dan mekanisme pelaksanaan dalam tempoh PKP, Mesyuarat Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga yang ditubuhkan pada tahun November 2019 melibatkan pelbagai agensi Kerajaan dan NGO telah diadakan pada 4 Jun 2020 bagi memperincikan tindakan yang dilaksanakan oleh setiap agensi berkaitan dalam memastikan kes keganasan rumah tangga dikendalikan dengan lebih teratur khususnya semasa PKP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR LAKSAMANA PERTAMA
(B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan isu berkaitan Timbalan Menteri, YB Dato' Hajah Siti Zailah yang juga Ahli Parlimen (PAS) Rantau Panjang di mana beliau telah memuat naik status di media sosial dengan mendedahkan identiti saksi kanak-kanak, berkaitan kes kematian seorang pensyarah yang dijerut leher oleh suami beliau sehingga menjadi tular. Tindakan ini dilihat boleh mendatangkan bahaya dan kemungkinan keselamatan kanak-kanak tersebut tidak terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 4 Ogos 2020, YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melawat seorang kanak-kanak yang merupakan anak kepada mangsa pembunuhan. Lawatan tersebut dibuat bersama pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta telah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Kanak-kanak terbabit juga memakai pelitup muka dan wajahnya tidak jelas kelihatan dalam gambar-gambar hasil lawatan tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian meminta maaf bagi pihak YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas insiden ini. Kementerian juga menyambut baik maklum balas semua pihak yang amat prihatin dengan isu perlindungan dan hak kanak-kanak dalam kes-kes sebegini dan pihak Kementerian akan terus berusaha membuat penambahbaikan dalam tatacara pengurusan kes seumpamanya di masa depan.

Selaras dengan penetapan artikel dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of Children*) juga, setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk dilindungi hak kerahsiaan peribadi termasuk keluarga, kediaman, komunikasi dan reputasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Di kesempatan ini Kementerian mengucapkan terima kasih kepada YB Senator kerana membangkitkan soalan ini sebagai salah satu cara meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat terhadap peruntukan undang-undang sedia ada dalam melindungi kanak-kanak negara ini.

Kementerian memohon juga agar semua pengamal-pengamal media untuk tidak menyiarkan identiti kanak-kanak yang terlibat dalam kes-kes sensitif selaras dengan pemeliharaan hak kerahsiaan peribadi kanak-kanak tersebut. Marilah kita bersama-sama terus membuat penambahbaikan untuk melindungi hak kanak-kanak kita.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status proses pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), di mana tiada pindaan dilakukan dalam tempoh 12 tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil tindakan untuk menyemak semula Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] dan Peraturan (2017-2020). Dalam usaha menyemak semula Akta 685 dan Peraturan (2017-2020), KPWKM telah mengadakan beberapa siri bengkel sejak 27 Januari 2016 hingga 20 Ogos 2019.

Bengkel ini merupakan bengkel semakan akta dan bengkel pemurnian input. Input daripada bengkel-bengkel ini telah dijadikan asas untuk kajian semakan semula Akta 685 dan Peraturan (2017-2020).

Bagi memulakan proses pelaksanaan pindaan ke atas Akta 685, KPWKM telah menyediakan Projek Brif bagi permohonan Kajian Pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 bagi tempoh 8 bulan. Satu Jawatankuasa kerja diwujudkan bersama Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal untuk melihat proses penggubalan pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil persatuan peringkat kebangsaan, para akademik, pakar perubatan dan pakar perundangan daripada tujuh (7) kategori Orang Kurang Upaya.

Sehubungan itu, status semakan semula Akta 685 dan Pindaan Peraturan (2017-2020) adalah sedang dalam tindakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN SUSAN CHEMERAI
ANDING**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Puan Suan Chemerai Anding minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan strategik dan jangka masa panjang Kementerian untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita ke dalam tenaga kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga kerja adalah usaha bersepadu merentasi kementerian termasuklah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sendiri, Kementerian Sumber Manusia dan pelbagai agensi lain yang berkaitan dengan penjana pendapatan dan ekonomi antaranya dalam sektor perusahaan, pertanian, perladangan dan perdagangan.

Data Jabatan Perangkaan Malaysia bagi penyertaan wanita dalam sektor tenaga kerja adalah sebanyak 55.2 peratus pada tahun 2018 dan meningkat 0.9 peratus kepada 55.6 peratus pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, sasaran pencapaian bagi tahun 2020 iaitu sebanyak 56.5 peratus yang pada asalnya dilihat realistik, sekarang ini mungkin sukar dicapai kesan daripada pandemik COVID-19 yang telah menguncupkan perkembangan ekonomi sehingga banyak sektor terjejas dan ramai pekerja terpaksa diberhentikan.

Menyedari akan hakikat ini, KPWKM telah melipatgandakan usaha untuk membantu golongan wanita terutamanya yang rentan. Antara inisiatif yang memberikan manfaat jangka pendek ialah melalui galakan lebih ramai wanita memasuki bidang pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak seperti Kursus Pembangunan Kapasiti Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak PERMATA, khusus untuk golongan wanita B40 dan ibu tunggal, yang dianjurkan di bawah KPWKM.

Selain itu, untuk manfaat jangka sederhana hingga panjang, KPWKM juga memberikan penekanan kepada penglibatan wanita dalam ekonomi digital sebagai arena baharu yang membuka peluang penjana pendapatan, di samping dapat meningkatkan penyertaan aktif wanita dalam tenaga buruh, termasuklah dalam sektor informal. Dalam hal ini, kerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) amatlah diharapkan agar turut memberikan perhatian kepada kumpulan sasar KPWKM ini.

SOALAN NO. : 65

Selain inisiatif di atas, perancangan jangka panjang juga melibatkan transformasi bersifat sistemik iaitu bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong dan membolehkan (*supporting and enabling*) wanita untuk lebih terlibat dalam tenaga kerja dengan produktif, tanpa sebarang bentuk diskriminasi. Antaranya ialah melalui penggubalan atau pindaan akta-akta yang berkaitan, formulasi dasar, peraturan, garis panduan serta pelan tindakan baharu dan sebagainya.

Sehingga kini, inisiatif transformasi peringkat sistemik yang dapat dilihat adalah melalui galakan Kerajaan terhadap mewujudkan keseimbangan antara kerjaya dan keluarga (*work-life balance*) dengan pengenalan kepada waktu kerja anjal (*flexible working arrangements*) yang bukan sahaja disambut baik oleh sektor awam tetapi juga sektor swasta. Sebagai tambahan, penyediaan lebih banyak pusat jagaan kanak-kanak atau TASKA di tempat kerja juga menjadi keutamaan di bawah KPWKMM memandangkan industri penjagaan ini memberikan manfaat berbentuk serampang dua mata iaitu pertamanya, membantu ibu bapa bekerja menguruskan anak dengan lebih baik serta menyokong wanita untuk terus bekerja; dan keduanya, membuka lebih banyak peluang pekerjaan sebagai pengusaha pusat jagaan atau pengasuh.

Selain KPWKMM, perlu ditekankan bahawa peranan Kementerian dan Agensi lain juga amat penting bagi membantu pembangunan sosio-ekonomi wanita agar terus mampan. KPWKMM bersedia untuk menjadi rakan strategik bagi memastikan aspirasi ini dapat dicapai.